

**SOALAN NO. 66**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB BUKAN LISAN**

**MESYUARAT PERTAMA, DEWAN RAKYAT**

**PENGGAL KEENAM, PARLIMEN KETIGA BELAS**

**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI  
[SUNGAI BESAR]**

**TARIKH : 5 MAC 2018 (ISNIN)**

**SOALAN :**

**Tuan Budiman Bin Mohd Zohdi [Sungai Besar] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan jumlah penerima bantuan Skim 1AZAM dan adakah pelaksanaan program ini benar-benar telah mencapai objektif yang diharapkan oleh pihak Kementerian.**

182

**JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI**  
**PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN**  
**MASYARAKAT**

Tuan Yang Dipertua,

Sehingga 31 Disember 2017, Program 1AZAM telah mendapat sambutan yang menggalakkan dan seramai 203,398 orang peserta telah menyertai Program 1AZAM di seluruh negara. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melaksanakan Program 1AZAM ini bagi mencapai objektif-objektif seperti berikut:

1. Menyediakan peluang kepada golongan isi rumah berpendapatan rendah untuk menjana pendapatan;
2. Memperkasa kumpulan sasaran supaya boleh berdikari; dan
3. Meningkatkan pendapatan golongan berpendapatan rendah.

Bagi memastikan bantuan yang diberikan benar-benar mencapai objektifnya, elemen pemantauan dan bimbingan secara berterusan dilaksanakan dalam usaha membantu para penerima bantuan agar mampu untuk hidup berdikari dan kekal mapan dalam aktiviti perniagaan yang dijalankan.

Pada tahun 2017, Kementerian telah melaksanakan satu Kajian Penilaian Outcome Program 1AZAM Niaga & Khidmat di bawah KPWKM yang menetapkan beberapa Indikator Pencapaian bagi mengukur keberkesanan program ini dan melibatkan peserta di seluruh negara.

Hasil daripada kajian tersebut adalah:

- i. 99.2% berpuas hati dengan keseluruhan Program 1AZAM;
- ii. 93.3% menyatakan kesediaan kekal mampan menjalankan perniagaan; dan
- iii. Purata pendapatan peserta selepas menerima peralatan meningkat kepada RM826.24 berbanding RM443.40 sebelum menerima peralatan iaitu peningkatan sebanyak 86.34%.

Berdasarkan kajian tersebut, dapat dilihat bahawa purata pendapatan peserta telah meningkat dengan signifikan dan ini bertepatan dengan objektif program iaitu memberi peluang kepada golongan berpendapatan rendah ini untuk meningkat dan menjana pendapatan tambahan dengan bantuan yang telah diberikan oleh Kerajaan.

Justeru, bagi memastikan peserta mampu untuk terus meningkatkan pendapatan melepasi Paras Garis Kemiskinan (PGK), Kementerian akan

meneruskan usaha memperkuat kemahiran dan daya keusahawanan peserta Program 1AZAM khususnya dalam aspek pengurusan kewangan perniagaan dan kemahiran asas perniagaan. Di samping itu, setiap peserta Program 1AZAM juga diwajibkan menghadiri kursus Literasi Kewangan dan Pengurusan Kredit yang dilaksanakan dengan kerjasama Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) serta pelbagai program latihan keusahawanan dan kemahiran yang dilaksanakan secara kolaborasi dengan agensi-agensi Kerajaan yang lain.

RT5/67

**JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN BERTULIS : TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI  
DARIPADA [ SUNGAI BESAR ]**

**JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN BERTULIS**

**Tuan Budiman Bin Mohd Zohdi [ Sungai Besar ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapakah jumlah terkini dana Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM) dan berapakah jumlah pelajar yang menerima bantuan yang disediakan menerusi KWAPM ini

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Jumlah dana Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM) sehingga 15 Mac 2018 adalah sebanyak RM71,010,871.08. Manaakala jumlah murid Tahun 1 hingga Tingkatan 1 yang dianggarkan akan menerima manfaat bantuan KWAPM pada tahun 2018 adalah seramai 970,070 orang murid dengan peruntukan sejumlah RM104,070,000.00.

RT5/67

**SOALAN : 68**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN BUDIMAN B. MOHD ZOHDI  
(SUNGAI BESAR)**

**RUJUKAN : 10730**

**SOALAN :**

**Tuan Budiman Bin Mohd Zohdi [ Sungai Besar ] minta MENTERI  
DALAM NEGERI menyatakan adakah pihak Kementerian sedar  
bahawa terdapat banyak kawasan paya bakau terutamanya di  
kawasan Sungai Besar yang dijadikan sarang penagihan dadah  
serta apakah usaha pihak Kementerian bagi membersihkan  
kawasan ini daripada anasir-anasir dadah seperti yang berlaku  
ini.**

**JAWAPAN:**

Sepanjang tahun 2017, Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) telah melaksanakan sebanyak 25 siri operasi di sekitar daerah Sabak Bernam dengan tangkapan seramai 137 orang. Manakala sebanyak 7 operasi bersepadu telah dilaksanakan dengan tangkapan seramai 94 orang di daerah Sungai Besar.

Pada tahun 2018, program Perangi Dadah Habis-Habisan (PDH) 3.0 telah dilaksanakan di Sungai Besar melibatkan *omnipresence*, Ops Bersepadu, Ops Cegah, kempen, Ikon Antidadah dan *Community Empowerment*. Strategi PDH adalah menggerakkan agensi-agensi Kerajaan, swasta, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan komuniti melibatkan peranan mereka sebagai perancang, penggerak dan pemilikhak (*ownership*) dalam setiap program dan aktiviti pendidikan pencegahan, rawatan dan pemulihan dadah serta penguatkuasaan dadah.